

TICKET  
TO  
VICTORY  
(EDISI SEMAKAN)



# BAHASA MELAYU

## SPM 2024

### KERTAS 1



# Kata Alu-Aluan

DATO' MOHAMAD FAUZI BIN MAHSON, D.P.M.P., A.M.P  
Pengarah Pendidikan Negeri Perak



*Assalamualaikum walaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, salam Perak Sejahtera 2030 dan Salam Anak Yang Baik Lagi Cerdik.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka modul Ticket to Victory edisi 2024 ini berjaya dihasilkan.

Modul yang dihasilkan oleh Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Guru Cemerlang, Jurulatih Utama serta guru-guru mata pelajaran yang berpengalaman memberi tumpuan kepada tajuk-tajuk penting yang perlu dikuasai oleh calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun ini. Modul edisi 2024 ini juga mengandungi penambahbaikan kerana memberi perhatian kepada semua peringkat calon serta bersasar.

Melalui pendekatan berfokus begini diharapkan agar modul ini dapat membantu pelajar-pelajar untuk menguasai fakta-fakta penting dan tajuk-tajuk tertentu mengikut kemampuan pelajar.

Jabatan Pendidikan Negeri Perak amat berharap agar melalui penerbitan modul ini dapat membantu guru-guru menyediakan latihan dan soalan latih tubi berfokus agar para pelajar lebih bersedia untuk menghadapi dan menjawab soalan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak serta guru-guru yang telah bergabung tenaga dan idea bagi menghasilkan modul ini. Semoga komitmen dan kerjasama erat ini akan membuahkan hasil yang diharapkan serta diberkati dan dirahmati Allah SWT.



# Kata Alu-Aluan

SAFUAN BIN HAJI RABA'AI  
Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



*Assalamualaikum walaahmatullahi wabarakatuh,*

Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, serta salam Anak Yang Baik Lagi Cerdik.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah merealisasikan dengan jayanya modul 'Ticket to Victory 2024'.

Modul ini menggambarkan kecekalan warga pendidik di negeri Perak untuk menghasilkan modul untuk digunakan oleh calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia di negeri Perak Darul Ridzuan.

Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak amat berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh setiap unit yang berkolaboratif dengan Guru Cemerlang, Jurulatih Utama serta guru-guru mata pelajaran negeri ini dalam menyiapkan modul ini.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyempurnakan modul 'Ticket to Victory 2024' ini.

Diharapkan melalui kerjasama daripada semua pihak yang digembleng sepenuhnya dalam menghasilkan modul ini berhasil meningkatkan kualiti jawapan calon seterusnya melonjakkan kecemerlangan pelajar di negeri ini.

Semoga usaha ini tidak terhenti setakat ini, sebaliknya semua pihak perlu berperanan dalam usaha melakarkan kegemilangan pendidikan di negeri Perak.

Salam hormat

## PENGHARGAAN



**PUAN HAJAH FADHILAH  
BINTI HAWARY**

KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN  
UNIT BAHASA  
SEKTOR PEMBELAJARAN



**ENCIK SAFUAN BIN HAJI RABA'AI PPT**

TIMBALAN PENGARAH  
SEKTOR PEMBELAJARAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK



**PUAN NURMAZURA BINTI  
MOHAMAD YUNUS**

PENOLONG PENGARAH  
UNIT BAHASA  
SEKTOR PEMBELAJARAN

## BARISAN PANEL



**MOHD KHAIRUL NIZAM  
BIN HAMAT@ MAT RONI**

SMK SYEIKH ABD GHANI



**MOHD FAIZAL BIN YAHYA**

SMK MUDZAFFAR SHAH



**MOHD KHUSAIRI BIN KHADZALI**

SMK KAMPUNG JAMBU



**MOHD TARMIMI BIN RAZALI**

SMK SERI AMPANG



**NOORHAFIEZ BIN SAIDIN**

SMK PANGLIMA BUKIT GANTANG



**ROAZZILA BINTI YEOB RAMLI**

SMK WIRA JAYA



**NOORIN BINTI MOHAMED HAIRIRI**

SMK SIMPANG PULAI

## ISI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

### PERKARA

1 - 3

**MODUL LATIHAN BAHASA MELAYU 1 : SET 1**

4 - 6

**MODUL LATIHAN BAHASA MELAYU 1 : SET 2**

7 - 11

**SKEMA JAWAPAN : MODUL LATIHAN BAHASA MELAYU 1 : SET 1**

12 - 16

**SKEMA JAWAPAN : MODUL LATIHAN BAHASA MELAYU 1 : SET 2**



## Bahagian A

(30 markah)


Masa dicadangkan: 30 minit

Soalan ini *mesti* dijawab.

Grafik dan maklumat di bawah berkaitan dengan kantin idaman.


Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **kantin idaman**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



### Bersih dan Selesa

- Makanan dijual ditutup
- Tiada sisa makanan



### Ceria dan Berinformasi

- Nota ringkas setiap mata pelajaran
- Laporan berita tentang isu semasa

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) turut memaklumkan 82 daripada 247 orang mengalami gejala keracunan makanan selepas makan sarapan berkenaan. April lalu, 20 pelajar perempuan sekolah menengah di Melaka menerima rawatan selepas disyaki mengalami keracunan makanan disyaki berpunca daripada hidangan nasi goreng di kantin.

Sumber : <https://www.bharian.com.my>

## Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1. Perbuatan buli boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu buli secara mental dan buli secara fizikal. Antara punca anak menjadi pembuli adalah kerana kurangnya perhatian dan kasih sayang dalam keluarga, berasal daripada keluarga yang bermasalah termasuk pernah didera oleh ahli keluarga semasa kecil serta kurangnya didikan agama.

Sumber: *Dewan Masyarakat*, 3 November 2021

Merujuk petikan di atas, huraikan punca-punca berlakunya perbuatan tersebut.

2. Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, "Pelajar perlu meneroka pelbagai kaedah belajar dengan menyediakan jadual waktu kerana langkah ini dapat mengimbangkan pembahagian masa terhadap pelbagai jenis aktiviti yang akan dilakukan. Selain itu, kaedah peta minda juga didapati lebih efektif untuk menyeimbangkan penggunaan otak kiri dan otak kanan."

Sumber: *Dewan Masyarakat*, 4 Oktober 2023

Berdasarkan petikan di atas, terdapat sebahagian kaedah pembelajaran berkesan.

Ulaskan

3. Perpaduan amat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Antaranya ialah perpaduan mampu meningkatkan imej negara. Selain itu, perpaduan juga dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni. Pada masa yang sama, perpaduan juga mampu menjamin keselamatan negara.

Sumber : *Dewan Masyarakat*, 3 Februari 2023

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan semangat perpaduan kepada masyarakat dan negara.

4. KUALA LUMPUR: Pandemik COVID-19 meningkatkan penggunaan pembayaran digital dalam kalangan rakyat Malaysia, sekali gus mengukuhkan peralihan ke arah masyarakat tanpa tunai menjelang 2025. Menurut Pengurus Negara Visa Malaysia, Ng Kong Boon, berdasarkan kajian tabiat pembayaran pengguna Visa, 74 peratus rakyat Malaysia menunjukkan bahawa mereka semakin bergerak ke arah tanpa tunai dengan menggunakan pelbagai bentuk kaedah pembayaran digital

Sumber: *Berita Harian Online*, 8 November 2021

Sebagai respons terhadap kandungan berita di atas, huraikan faedah-faedah penggunaan transaksi tersebut.



## Bahagian A

(30 markah)

**Masa dicadangkan: 30 minit**

Soalan ini **mesti** dijawab.

Grafik dan maklumat di bawah berkaitan dengan jenayah siber.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **jenayah siber**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Jenayah siber merujuk kepada jenayah yang menggunakan rangkaian komputer atau peranti perkakasan (hardware) untuk mengganggu mangsa.

### Tidak Berkongsi Maklumat Peribadi

- Media sosial
- Panggilan telefon yang diragui



### Meningkatkan Keselamatan Siber



Perisik XNSPY mampu menganalisis maklumat panggilan

## Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**

1. Semangat hidup berjiran yang kita warisi sejak turun-temurun, kini jelas semakin terpinggir. Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan semangat kejiranan semakin luntur, antaranya masyarakat yang terlalu mementingkan hal sendiri dan sibuk mencari rezeki masing-masing.

Sumber: *Sinar Harian Online*, 22 Februari 2021

Merujuk petikan di atas, terdapat sebahagian punca yang menyebabkan semangat kejiranan semakin luntur.

Jelaskan.

2. Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) bukan sahaja mampu melahirkan graduan yang berdaya saing, malah menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran dalam kalangan belia. Wan Nor Hazman, pelajar jurusan Kejuruteraan Mekanikal (Mekatronik) di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah pula berkata, "TVET juga memberi saya peluang untuk belajar secara praktikal agar lebih bersedia untuk menghadapi dunia kerja sebenar.

Sumber: *Dewan Kosmik*, 8 Jun 2024

Petikan di atas menyatakan kelebihan-kelebihan yang diperolehi oleh pelajar TVET.

Huraikan.

- Keberadaan pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam landskap negara memberikan pelbagai kesan negatif. Pertama, keselamatan dan ketenteraman awam akan terjejas apabila bilangan PATI ramai. PATI juga akan menyebabkan risiko tersebarnya pelbagai jenis penyakit seperti tibi, taun dan kusta dalam kalangan penduduk tempatan. Pencemaran alam sekitar melalui pembakaran hutan untuk penempatan, pertanian dan penternakan turut berlaku.

Sumber: *Berita Harian Online*, 24 Jun 2020

Petikan di atas menyatakan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) mendatangkan pelbagai kesan negatif.

Jelaskan.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menggalakkan penglibatan murid-murid dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian dengan membenarkan murid-murid memakai pakaian tradisi mengikut kaum masing-masing dan pakaian tradisi kaum lain.

Sumber: *Dewan Masyarakat*, 21 September 2023

Selain usaha yang dinyatakan di atas, apakah usaha-usaha untuk menggalakkan generasi muda memakai pakaian tradisi?



## SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)

### 1. Format penulisan komen :

- T - menepati tugas
- I - relevan, huraian jelas
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P - sangat menarik dan berkesan

*Grafik dan maklumat di bawah berkaitan dengan kantin idaman.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **kantin idaman**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200** patah perkataan.*

### 2. Kehendak / tugas soalannya:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **ciri-ciri kantin idaman** dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:
  - bersih dan selesa
  - ceria dan berinformasi
- iii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan ciri-ciri kantin idaman - diterima dan disemak seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan maksimum peringkat **MEMUASKAN**
  - Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

## **SOALAN BAHAGIAN B (70 markah)**

### **1. Format penulisan komen :**

- T – menjawab tugas
- I – relevan, huraian jelas
- B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
- P – menarik dan berkesan

### **Soalan 1**

Perbuatan buli boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu buli secara mental dan buli secara fizikal. Antara punca anak menjadi pembuli adalah kerana kurangnya perhatian dan kasih sayang dalam keluarga, berasal daripada keluarga yang bermasalah termasuk pernah didera oleh ahli keluarga semasa kecil serta kurangnya didikan agama.

Sumber: *Dewan Masyarakat*, 3 November 2021

Merujuk petikan di atas, huraikan punca-punca berlakunya perbuatan tersebut.

### **Kehendak / tugas soal**

1. Calon dikehendaki menghuraikan **idea yang terdapat dalam petikan tentang punca-punca berlakunya perbuatan buli, iaitu:**
  - kurang perhatian dan kasih sayang dalam keluarga
  - keluarga yang bermasalah
  - kurangnya didikan agama

### **Kemungkinan jawapan :**

1. Calon menghuraikan punca lain tanpa menyentuh punca yang terdapat dalam petikan – maksimum **baik**.
2. Calon menghuraikan sebahagian punca yang terdapat dalam petikan dan idea luar – maksimum **kepujian**
3. Calon menghuraikan semua punca yang terdapat dalam petikan dan menambah idea luar – **Semak seperti biasa**

## Soalan 2

Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, "Pelajar perlu meneroka pelbagai kaedah belajar dengan menyediakan jadual waktu kerana langkah ini dapat mengimbangkan pembahagian masa terhadap pelbagai jenis aktiviti yang akan dilakukan. Selain itu, kaedah peta minda juga didapati lebih efektif untuk menyeimbangkan penggunaan otak kiri dan otak kanan."

Sumber: *Dewan Masyarakat*, 4 Oktober 2023

Berdasarkan petikan di atas, terdapat sebahagian kaedah pembelajaran berkesan. Ulasakan.

### Kehendak/ tugas soaln

1. Calon dikehendaki menghuraikan **kaedah pembelajaran berkesan yang terdapat dalam petikan dan luar petikan, iaitu:**
  - menyediakan jadual waktu
  - kaedah peta minda
  - terima mana-mana idea yang relevan

### Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea luar petikan – maksimum **Kepujian**.
2. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja (**menyediakan jadual waktu dan kaedah peta minda**) – maksimum **Kepujian**



### Soalan 3

Perpaduan amat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Antaranya ialah perpaduan mampu meningkatkan imej negara. Selain itu, perpaduan juga dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni. Pada masa yang sama, perpaduan juga mampu menjamin keselamatan negara.

Sumber : *Dewan Masyarakat*, 3 Februari 2023

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan semangat perpaduan kepada masyarakat dan negara.

#### Kehendak/ tugas soal

1. Calon dikehendaki menghuraikan **kepentingan-kepentingan semangat perpaduan seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu:**
  - meningkatkan imej negara
  - mewujudkan masyarakat yang harmoni
  - menjamin keselamatan negara daripada ancaman musuh

#### Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan **semua idea dalam petikan dan idea-idea lain** berkaitan dengan kepentingan semangat perpaduan - **terima seperti biasa.**
2. Calon menghuraikan **sebahagian idea** dalam petikan dan menambah idea lain berkaitan dengan kepentingan semangat perpaduan – maksimum **Kepujian.**
3. Calon **tidak menghuraikan idea** dalam petikan **tetapi menghuraikan idea luar** – maksimum **Baik.**

#### Soalan 4

KUALA LUMPUR: Pandemik COVID-19 meningkatkan penggunaan kaedah pembayaran digital dalam kalangan rakyat Malaysia, sekali gus mengukuhkan peralihan ke arah masyarakat tanpa tunai menjelang 2025. Menurut Pengurus Negara Visa Malaysia, Ng Kong Boon, berdasarkan kajian tabiat pembayaran pengguna Visa, 74 peratus rakyat Malaysia menunjukkan bahawa mereka semakin bergerak ke arah tanpa tunai dengan menggunakan pelbagai bentuk kaedah transaksi tanpa tunai.

Sumber: *Berita Harian Online*, 8 November 2021

Sebagai respons terhadap kandungan berita di atas, huraikan faedah-faedah penggunaan transaksi tersebut.

#### Kehendak / tugas soalannya

1. Calon dikehendaki menghuraikan **idea sendiri tentang kebaikan-kebaikan menggunakan kaedah pembayaran transaksi tanpa tunai.**
  - terima mana-mana idea yang relevan

- **Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan B) – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- **Bahagian B**
  - **Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat KEPUJIAN**
  - **Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK**

## SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)

### 1. Format penulisan komen :

- T - menepati tugas
- I - relevan, huraian jelas
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P - sangat menarik dan berkesan

*Grafik dan maklumat di bawah berkaitan dengan jenayah siber.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **jenayah siber**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

### 2. Kehendak / tugas soalannya:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **cara-cara mencegah jenayah siber** dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:
  - meningkatkan keselamatan siber
  - tidak berkongsi maklumat peribadi
- iii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan cara-cara mencegah jenayah siber - diterima dan disemak seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**
  - Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**



## **SOALAN BAHAGIAN B (70 markah)**

### **1. Format penulisan komen :**

- T – menjawab tugas
- I – relevan, huraian jelas
- B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
- P – menarik dan berkesan

### **Soalan 1**

Semangat hidup berjiran yang kita warisi sejak turun-temurun, kini jelas semakin terpinggir. Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan semangat kejiiran semakin luntur, antaranya masyarakat yang terlalu mementingkan hal sendiri dan sibuk mencari rezeki masing-masing.

Sumber: *Sinar Harian Online*, 22 Februari 2021

Merujuk petikan di atas, terdapat sebahagian punca yang menyebabkan semangat kejiiran semakin luntur.

Jelaskan.

### **Kehendak / tugas soal**

1. Calon dikehendaki menghuraikan **idea yang terdapat dalam petikan dan idea luar petikan tentang punca-punca yang menyebabkan semangat kejiiran semakin luntur:**

- Masyarakat yang terlalu mementingkan hal sendiri
- Masyarakat yang terlalu sibuk mencari rezeki masing-masing
- terima mana-mana idea yang relevan

### **Kemungkinan jawapan :**

1. Calon menghuraikan punca lain tanpa menyentuh punca yang terdapat dalam petikan – maksimum **kepujian**.
2. Calon menghuraikan punca-punca yang terdapat dalam petikan sahaja maksimum **kepujian**.

## Soalan 2

Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) bukan sahaja mampu melahirkan graduan yang berdaya saing, malah menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran dalam kalangan belia. Wan Nor Hazman, pelajar jurusan Kejuruteraan Mekanikal (Mekatronik) di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah pula berkata, "TVET juga memberi saya peluang untuk belajar secara praktikal agar lebih bersedia untuk menghadapi dunia kerja sebenar."

Sumber: *Dewan Kosmik*, 8 Jun 2024

Petikan di atas menyatakan kelebihan-kelebihan yang diperolehi oleh pelajar TVET. Huraikan.

### Kehendak/ tugas soalannya

1. Calon dikehendaki menghuraikan **kelebihan-kelebihan yang diperolehi oleh pelajar TVET yang terdapat dalam petikan, iaitu:**
  - berdaya saing
  - menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran
  - belajar secara praktikal

### Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea luar petikan tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum **Baik**.
2. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea luar – **Semak seperti biasa**
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan idea luar maksimum **Kepujian**

### Soalan 3

Keberadaan pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam landskap negara memberikan pelbagai kesan negatif. Pertama, keselamatan dan ketenteraman awam akan terjejas apabila bilangan PATI ramai. PATI juga akan menyebabkan risiko tersebaranya pelbagai jenis penyakit seperti tibi, taun dan kusta dalam kalangan penduduk tempatan. Pencemaran alam sekitar melalui pembakaran hutan untuk penempatan, pertanian dan penternakan turut berlaku.

Sumber: *Berita Harian Online*, 24 Jun 2020

Petikan di atas menyatakan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) mendatangkan pelbagai kesan negatif.  
Jelaskan.

#### Kehendak/ tugas soaln

1. Calon dikehendaki menghuraikan **pelbagai kesan negative kemasukan PATI seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu:**
  - keselamatan dan ketenteraman awam akan terjejas
  - risiko tersebaranya pelbagai jenis penyakit
  - pencemaran alam sekitar

#### Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea luar petikan tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum **Baik**.
2. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea luar – **Semak seperti biasa**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan idea luar maksimum **Kepujian**.

#### Soalan 4

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menggalakkan pelibatan murid-murid dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian dengan membenarkan murid-murid memakai pakaian tradisi mengikut kaum masing-masing dan pakaian tradisi kaum lain.

Sumber: *Dewan Masyarakat*, 21 September 2023

Selain usaha yang dinyatakan di atas, apakah usaha-usaha untuk menggalakkan generasi muda memakai pakaian tradisi?

#### Kehendak/ tugas soal

1. Calon dikehendaki menghuraikan **idea sendiri tanpa menyentuh idea dalam petikan berkaitan usaha-usaha untuk menggalakkan generasi muda memakai pakaian tradisi.**
  2. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan luar petikan – maksimum **Kepujian.**
- terima mana-mana idea yang relevan

- **Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan B) – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- **Bahagian B**
  - **Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat KEPUJIAN**
  - **Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK**

## **Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan**

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh (quote)
7. Penanda wacana
8. Tajuk ( rencana/ surat)
9. Kata Sendi 'di' dan 'ke'
10. Angka

## **PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**





#### HAK CIPTA TERPELIHARA.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana –  
mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi  
kandungan modul ini dalam apa juga bentuk  
dan cara sama ada secara elektronik,  
fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain  
sebelum mendapat izin bertulis daripada  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak